



04 FEB, 2025

'Kenaikan tarif elektrik tak beban masyarakat'

Berita Harian, Malaysia



'Kenaikan tarif elektrik tak beban masyarakat'

PM nafi dakwaan peningkatan 14 peratus, kadar baharu ditetap selepas semakan

Oleh Alzahrin Alias
dan Muhammad Yusri
Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan memastikan sebarang kenaikan tarif elektrik tidak membebani-

kan atau merugikan masyarakat, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Masa sama, Perdana Menteri menafikan dakwaan bahawa tarif asas elektrik di Semenanjung, akan meningkat 14 peratus bermula Julai ini.

Beliau yang merangkap Menteri Kewangan, mengakui kenaikan tarif elektrik tetap akan berlaku dengan kadar bakal ditetapkan selepas semakan semula nanti.

Kajian setiap enam bulan

Ketetapan itu, katanya, perlu dibuat memandangkan kenaikan kadar tarif elektrik perlu berlaku, berpandukan kapasiti dan harga pada tempoh tertentu.

"Mengenai isu Ketidakseimbangan



Anwar pada Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina anjuran ACCCIM di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

ngan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT), kadar pemindahan elektrik bukan 14 peratus. Tidak!

"Seperti yang anda tahu, kajian semula setiap enam bulan adalah berdasarkan harga semasa. Justeru, saya tidak fikir ia akan menjadi sesuatu yang terlalu membebani atau merugikan masyarakat. Kita bersedia untuk mendengar (pandangan pelbagai pihak mengenai cadangan kenaikan tarif elektrik).

"Namun, sudah pasti ia bukan seperti yang dikatakan. Ini sebabnya saya baru sahaja semak dengan Zafrul (Menteri Pelabu-

ran, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz) sekiranya saya tersilap fakta," katanya.

Ahli Parlimen Tambun itu berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina anjuran Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) di sini, semalam.

Media sebelum ini, melaporkan jadual tarif baharu dengan tarif asas 45.62 sen sekilowatt-jam (KwJ) bagi Semenanjung di bawah Tempoh Kawal Selia 4 (RP4) dicadang dilaksana 1 Julai depan.

Tarif asas menerusi RP3 antara 2022 dan 2024 ditetapkan pada 39.95 sen/KwJ.

Tenaga Nasional Bhd (TNB) menerusi makluman kepada Bursa Malaysia pada Disember lalu, dilaporkan berkata sebarang perbezaan dari Januari hingga Jun 2025 akan dibayai melalui Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWE).

Jadual tarif elektrik semasa yang dilaksanakan sejak 2014 akan terus berkuat kuasa tanpa perubahan dalam kadar tarif dan struktur tarif elektrik sehingga 30 Jun, 2025.